



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

☎ 03-8870 4426
✉ ukk@dof.gov.my
🌐 <http://www.dof.gov.my>

Prk.ML.11/02/09-1/1 (53)

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

AMARAN KERAS PENCURI BENIH KERANG

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil serius berkenaan keluhan dan aduan pengusaha lot kerang yang berdaftar di bawah Jabatan Perikanan berikutan peningkatan terhadap aktiviti pengambilan benih kerang di kawasan-kawasan tapak benih semula jadi kerang dan tapak kerang kultur.
2. DOF melarang sebarang aktiviti pengambilan benih kerang termasuk nelayan dan penternak tidak berlesen dengan menggunakan sebarang kaedah termasuk penggunaan bot berenjin rotor (longtail boat) atau menggunakan tangguk tangan menaiki sampan kayu (tongkah).
3. “Jabatan Perikanan memberi amaran keras terhadap individu yang didapati terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti mengambil anak/benih kerang secara haram. Menjadi satu kesalahan bagi sesiapa yang mengambil benih kerang atau kerang dewasa tanpa suatu lesen yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan. Lesen akan dikeluarkan apabila saiz kerang mencecah 4mm ke atas melalui notis yang dikeluarkan oleh Pejabat Perikanan Negeri”. Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia Dato’ Adnan bin Hussain.
4. Pada tahun 2022, empat kes direkodkan melibatkan satu sitaan dan tiga kes tangkapan kerang dengan nilai rampasan sebanyak RM8,500 di tiga buah negeri iaitu Selangor, Perak dan Johor. Bagi tahun 2023, sembilan kes direkodkan dengan enam sitaan dan tiga tangkapan dengan nilai rampasan sebanyak RM17,185.00 melibatkan empat negeri iaitu Perak, Selangor, Melaka dan Pulau Pinang.



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

5. Kesalahan mengambil anak/benih kerang boleh disabitkan kesalahan dibawah Peraturan-peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002, Seksyen 3 (1) dan Seksyen 4 (1) dan sekiranya sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan mengambil anak kerang atau denda tidak melebihi RM 10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan mengambil benih kerang atau kerang dewasa di suatu tapak kerang semulajadi atau tapak kultur melainkan jika dia diberikan satu lesen mengambil kerang oleh Ketua Pengarah dibawah Peraturan 8.
6. Jabatan sentiasa menjalankan pemantauan serta rondaan di laut juga darat bagi mengekang kes kecurian benih kerang dan tindakan penguatkuasaan membanteras aktiviti ini akan diadakan secara berterusan dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain.
7. Berdasarkan data perangkaan DOF, **pendaratan kerang pada tahun 2022 adalah sebanyak 479.47 tan metrik dengan nilai RM 4,472,873.45** manakala bagi tahun **2023 merekodkan sebanyak 856.37 tan metrik dengan nilai RM6,811,769.16.** Jumlah keseluruhan ini melibatkan lapan (8) negeri iaitu Johor Barat, Kedah, Melaka, Perak, Perlis, Sabah, Selangor dan Terengganu.

-TAMAT-

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my

16 Januari 2024